

19 MAY 1999

Dewan-Bahas

TUBUH PASUKAN KHAS UJI PERSEDIAAN JABATAN HADAPI MASALAH Y2K

PULAU PINANG, 19 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri perlu menubuhkan segera sebuah pasukan khas untuk menguji persediaan dan keberkesanan langkah mengatasi masalah pepijat alaf (Y2K) di jabatan-jabatan kerajaan dan agensinya.

Teng Chang Yeow (BN-Padang Kota) memberitahu persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini bahawa perkara itu penting bagi mengelakkan keadaan "kelam-kabut" apabila sistem komputer di jabatan dan agensi kerajaan tidak dapat berfungsi dengan baik kerana tidak mengadakan persediaan yang rapi untuk menghadapi masalah itu.

Ketika membahaskan usul ucapan terima kasih terhadap ucapan Yang Dipertua Negeri pada perasmian persidangan hari lepas, Teng berkata sesetengah komputer mempunyai teknologi enam bulan ke hadapan dan ini bermakna ia akan menghadapi serangan masalah Y2K lebih awal dari 1 Jan 2000.

Katanya, kerajaan perlu meningkatkan usaha mengadakan hebahan mengenai implikasi Y2K terhadap semua sistem pentadbiran yang boleh menjejaskan kehidupan rakyat seperti yang dilakukan kepada maklumat mengenai fenomena La Nina.

"Dengan cara ini rakyat dan semua jabatan dan agensi terbabit dapat membuat persediaan serta jangkaan awal mengenai risiko yang bakal dihadapi dan mengatur langkah pemulihan. Kalau sampai masanya, sistem komputer mereka tidak okay, sekurang-kurangnya mereka tahu apa hendak dibuat selepas itu," katanya.

Beliau bimbang dengan tahap pelaksanaan pemulihan Y2K yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan sekarang ini berikutan laporan pakar asing bahawa Malaysia dan rantau Asean amat terdedah dengan risiko Y2K ini dan mungkin mengalami gangguan perkhidmatan yang serius.

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan negeri menubuhkan sebuah jawatankuasa bantuan di peringkat daerah dan zon bagi kawasan Tanjung kerana kawasan itu mempunyai ramai penduduk yang terlibat dengan penghapusan Akta Kawalan Sewa (AKS).

Katanya, jawatankuasa ini boleh bertindak untuk memberi bantuan kepada penduduk terbabit daripada segi guaman, penempatan golongan tua dan daif dan pelbagai masalah lain yang berkaitan.

Beliau berkata, kerajaan negeri tidak boleh bergantung hanya kepada kekuatan politik semata-mata untuk menyelesaikan masalah rakyat yang timbul akibat penghapusan AKS itu dan memerlukan bantuan semua pihak untuk melakukannya.

Beliau turut menyambut baik kesediaan kerajaan negeri untuk memohon kepada kerajaan pusat supaya melanjutkan tempoh peralihan AKS sebanyak lima tahun lagi sekiranya pelbagai usaha yang diatur kerajaan negeri tidak sempat siap pada tempoh yang ditetapkan.

Lai Siew Weng (BN-Air Itam) pula mahu kerajaan negeri mengambil langkah yang lebih serius bagi mengatasi kegiatan vandalisme supaya imej negeri ini sebagai destinasi pelancongan, tidak terjejas.

Beliau menyarankan agar papan tanda penunjuk arah dikemaskinikan dan jika boleh ditulis dalam pelbagai bahasa bagi memudahkan pelancong luar menuju destinasi masing-masing.

Beliau mengulangi permintaannya supaya kerajaan negeri menyediakan sebuah pusat khas bagi menempatkan pesakit jiwa dan pengemis yang terbiar di sekitar bandar raya Georgetown agar mereka tidak berkeliaran di kawasan

itu.

Lim Gim Soon (BN - Kampung Kolam) berharap masyarakat Cina terus menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Barisan Nasional supaya negara dapat mencapai matlamat Wawasan 2020.

-- BERNAMA

ZU NMO